

Headline	Nazmin juara MPM 2015		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	21 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	178,211
Page No	23	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	434 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,578
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,733



Nazmin juara MPM 2015

Dilantik menjadi duta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, ikon belia dalam isu alam sekitar

Oleh **MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK**
dan **NOOR ESZEREEN JUFERI**

kampus@utusan.com.my

MAHASISWA Universiti Putra Malaysia (UPM), Nazmin Nordin, berjaya menjuarai Mister Planet Malaysia 2015 serta dilantik sebagai duta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bagi menjadi ikon belia dalam isu alam sekitar.

Nazmin, 25, merupakan pelajar Sarjana Perubatan Nuklear (Pengimejan Molekul) turut memenangi kategori *Mister Photogenic* dan *Mister Intelligence* dan bakal mewakili Malaysia ke Madrid, Sepanyol tahun depan.

Kemenangan itu melayakkan

Nazmin menerima wang tunai RM3,000 dan trofi daripada Malaysia United Nations Pageant (MUNP).

“Saya bersyukur atas kemenangan ini. Memang langsung tidak sangka kerana saya tidak pernah memenangi pertandingan-pertandingan besar sebelum ini.

“Dengan kemenangan ini, saya berazam untuk melestarikan alam sekitar selain meningkatkan pendedahan pada belia untuk menjadikan alam sekitar sebagai aset atau ‘capital’ dalam menjaga persekitaran untuk generasi masa depan.

“Saya tidak menganggap alam sekitar sebagai sumber kerana pastinya akan pupus tanpa pemuliharaan yang insentif. Oleh itu kempen hijau yang melibatkan aktiviti seperti penanaman semula pokok adalah salah satu usaha dalam memelihara alam sekitar,” katanya.

Nazmin menambah, dengan adanya pertandingan MUNP secara langsung memotivasikan belia untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pemuliharaan alam sekitar yang kini menjadi isu negara.

MPM 2015 dianjurkan oleh MUNP di bawah kelolaan Azman Bosri melibatkan penyertaan 60 peserta dari seluruh dunia.



NAZMIN
NORDIN

Headline	Nazmin juara MPM 2015		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	21 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	178,211
Page No	23	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	434 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,578
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,733



NAZMIN (empat dari kiri) bersama trofi dan sijil penghargaan selepas dinobatkan juara MPM 2015.